

SISTEM PENTERNAKAN HAIWAN SECARA PAWAH: PERMASALAHAN DARI SUDUT SYARIAH

(Pawah farming system from Sharia perspective)

Mohd Rofaizal Ibhram, Muhammad Yosef Niteh & Maad Ahmad

ABSTRAK

Sistem ternakan pawah ialah sistem ternakan yang diwarisi dari generasi terdahulu dalam masyarakat Melayu. Sistem ternakan pawah yang diamalkan pada hari ini sama ada dalam bentuk syarikat secara besar-besaran atau individu atau kelompok perlu diberi takyif fiqhi. Kajian ini dilakukan adalah untuk memberikan pandangan Syarak terhadap beberapa isu gharar dan pelanggaran larangan yang disunnahkan oleh Nabi Muhammad SAW, khususnya dalam sistem ternakan pawah secara komersial. Selain itu, kajian ini bertujuan menilai hubungan antara pengusaha dengan pemilik ternakan dari sudut pembahagian hasil, tanggungan kos penyelenggaraan, syarat-syarat dan penanggungungan risiko. Hasil kajian mendapati bahawa pembahagian keuntungan dalam sistem ternakan pawah boleh disesuaikan dengan akad mudharabah atau akad *ujrah* atau musyarakah setelah menilai syarat-syarat berkaitan hak-hak dan tanggungjawab peserta dan pengusaha, pembahagian keuntungan, penanggungungan risiko dan kos.

Kata kunci: Pawah-sistem, ternakan, *takyif fiqhi*, sistem ternakan moden, pembahagian hasil.

ABSTRACT

Pawah farming system is a farming system that was inherited from the previous generation in the Malay community. Pawah farming system practiced today, whether in the form of large-scale companies or individuals or groups need to takyif fiqhi. This study is to provide a view on some Shariah issues particularly on the prohibition by the Prophet Muhammad, in farming system. In addition, this study aimed to assess the relationship between the entrepreneur and the owner of the livestock in term of revenue sharing, cost of maintenance, conditions and risks to be shared. The study found that the profit sharing contract or Musharaka contract, mudharabah or ujah can be adapted in pawah farming system after assessing the the related terms, rights and obligations of participants and entrepreneurs, profit distribution, risk and cost.

Keywords: Pawah farming, system-profit distribution, *takyif fiqhi*, farming, modern system

PENGENALAN

Secara am di Malaysia, industri penternakan kambing adalah kecil berbanding komoditi-komoditi ternakan lain. Jika dibandingkan dengan ternakan ayam (121.39%), telur (113.79%) dan lembu (24.88%), tahap sara diri pengeluaran kambing dan daging kambing pada tahun 2007 hanya mencapai 8.75%. Sistem penternakan haiwan lazimnya dibahagikan kepada tiga sistem, iaitu sistem penternakan intensif yang menekankan penternakan kambing di dalam kandang, sistem penternakan semi intensif bermakna ternakan dilepaskan untuk tujuan meragut makanan sendiri pada masa ditentukan di kawasan yang ditetapkan dan sistem penternakan ekstensif, iaitu sistem yang diamalkan oleh penternak kecil-kecilan atau yang menjalankan aktiviti ternakan sebagai satu hobi.

Kamus Pelajar Edisi Kedua menakrifkan pawah sebagai sistem membahagi dua hasil yg diperoleh (dari tanah sawah, binatang ternakan dll) antara tuan punya dengan orang yang mengusahakannya. Memawahkan menyuruh orang lain mengusahakan sawah (memelihara binatang dan lain-lain) dengan membahagi dua hasilnya. Pemawah ialah orang yang mengusahakan tanah, memelihara ternakan dan lain-lain yg dipawahkan kepadanya. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan pawah sebagai membahagi dua hasil yg diperoleh (daripada sawah, binatang ternakan dan lain-lain) antara pengusaha (penjaga) dengan tuan punya. Contoh yang diberikan oleh kamus ini ialah *lembu pawah* yang membawa maksud “memawahkan menyuruh orang lain mengusahakan sawah (memelihara binatang dan lain-lain) dengan membahagi dua hasilnya. Selain itu, ia juga disinonimkan dengan istilah memperduakan, manakala istilah pemawahan pula dikaitkan dengan hal-hal seperti perbuatan, usaha, atau tindakan memawahkan sesuatu, contohnya memawahkan sawah, ternakan dan sebagainya.

Pawah adalah bentuk upah memelihara binatang yang diamalkan oleh sebahagian penduduk di beberapa kawasan di Malaysia dan menjadi adat atau *urf* sehingga kini. Pemilik induk betina akan memilih seorang penternak untuk menternak dan membiakkan ternakannya. Sekiranya mereka memawah lembu betina untuk dipelihara oleh seseorang, anak pertama dan kedua akan dikembalikan kepada hak milik tuannya yang asal manakala anak ketiga akan menjadi milik orang yang memelihara sebagai upah. Seterusnya anak keempat dan kelima akan kembali kepada tuannya dan anak keenam menjadi hak milik orang yang memelihara dan begitulah seterusnya. Amalan pawah yang diamalkan oleh orang Melayu pada hari ini adalah amalan adat yang diwarisi dari generasi terdahulu. Upah bagi pekerjaan ini diperkirakan dari hasil ternakan yang dihasilkan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak semasa akad pawah dilakukan.

Selain itu, terdapat juga agensi kerajaan yang menawarkan skim pinjaman berkonsepkan pawah. Skim Pinjaman TRUST (Transformasi Usahawan Ternakan) diwujudkan sejak tahun 2005 oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani akan menyerahkan sejumlah haiwan kepada peserta yang diluluskan permohonannya dan perlu membayar balik pinjaman tersebut sama ada dalam bentuk ternakan atau tunai.

OBJEKTIF

Kajian ini dilakukan berdasarkan tiga tujuan berikut:

1. Menentukan maksud sebenar pawah mengikut amalan masyarakat melayu.
2. Menjelaskan hubungan dari sudut syarak antara pengusaha dengan penternak untuk memastikan kelayakan pengusaha mendapat bahagian dari anak ternakan yang lahir.
3. Menentukan *takyif fiqhi* mengenai penyediaan prasarana oleh pengusaha ternakan, termasuk penjantan untuk pembiakan dan prasarana lain seperti kandang, ubatan dan kos makanan.

SKOP KAJIAN

Skop kajian ini memfokuskan kepada pengurusan penternakan kambing secara pawah yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat, individu dalam bentuk komersial. Selain itu, kajian ini memberi tumpuan terhadap skim bantuan pinjaman oleh agensi kerajaan untuk membantu penternak.

METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Kajian mengenai projek penternakan kambing secara pawah dilakukan melalui proses pengumpulan data primer dan sekunder. Pengumpulan data premier dihasilkan melalui kaedah temu bual dengan penternak yang masih aktif atau yang sudah bersara. Selain temu bual data premier juga dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian. Temu bual yang dijalankan tidak difokuskan kepada kawasan tertentu. Manakala data sekunder pula merangkumi dua kaedah, iaitu kaedah dapatan sumber maklumat melalui buku dan koleksi persidangan, serta kertas projek yang mempunyai kaitan dengan tajuk dan objektif utama kajian dilakukan. Selain itu, pengkaji juga melakukan pencarian maklumat di laman-laman sesawang dalam talian internet.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penternakan haiwan secara pawah pada hari ini ditawarkan oleh syarikat-syarikat kepada individu-individu yang berminat untuk menyertai projek ternakan haiwan. Sekiranya mereka menyertai sistem pawah yang ditawarkan, mereka tidak perlu bersusah payah mengeluarkan kos yang tinggi bagi menyediakan infrastruktur. Selain itu, mereka juga tidak perlu mengeluarkan tenaga dan membazirkan masa yang banyak. Syarat persetujuan antara pemilik induk betina dengan penternak adalah berbeza kerana ia bergantung pada tempat, keadaan, dan faktor setempat.

Dari segi pembahagian dalam sistem pawahan kambing, anak kambing pemilik akan dibahagi sama rata antara pemilik dengan penternak.¹ Peserta ternakan pawah akan membeli sejumlah induk betina daripada pengusaha ternakan pawah. Peranan pengusaha adalah mengurus dan membiakkan ternakan induk tersebut. Pengusaha juga perlu menyediakan seekor induk penjantan sebagai pemberi benih.

Secara umumnya konsep pawah atau inkubator sebagaimana yang diistilahkan oleh sesetengah pengusaha ternakan pawah dalam laman web milik syarikat ialah suatu sistem pembelian induk kambing betina oleh seseorang individu daripada pengusaha penternakan pawah untuk dipelihara oleh pengusaha secara komersial. Hasil ternakan kemudiannya akan dibahagi secara muafakat antara pengusaha ternakan pawah dengan pemilik, iaitu melalui perjanjian yang dipersetujui bersama. Sistem pawah diwujudkan untuk meringankan bebanan kerja pemilik haiwan. Pemilik haiwan tidak perlu melakukan apa-apa pekerjaan kerana kerja-kerja penternakan haiwan dilakukan oleh pengusaha yang diupah. Pemilik haiwan juga tidak perlu mengeluarkan modal untuk membina infrastruktur ternakan dan tidak perlu menghadapi masalah kekangan masa untuk mengurus ternakan.

Hasil temuabual dengan pengusaha ternakan pawah dan merujuk kepada beberapa laman web milik syarikat dan pengusaha ternakan pawah secara komersial menemukan bahawa kos penyelenggaraan ternakan pawah berkaitan pengangkutan, pendaftaran dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan, kandang, perkhidmatan perubatan, cucian kandang, makanan dan air minuman, dan segala aspek pengendalian dan penternakan ditanggung oleh pengusaha. Terdapat juga pengusaha ternakan pawah yang mengenakan upah penjagaan kepada peserta. Peserta pawah akan dikenakan kadar bayaran operasi yang ditetapkan oleh pengusaha pawah. Cara pengenaan caj dan kadar caj juga adalah berbeza. Terdapat juga pengusaha mengenakan bayaran mengikut sewa kandang dan kos makanan. Hal ini bermakna pihak pengusaha menentukan kadar 'sewa' tertentu bagi 'penginapan' ternakan tersebut kerana menyediakan tempat, kandang, penjagaan dan sebagainya.

Sekiranya berlaku kematian atau kehilangan haiwan ternakan dalam sistem pawah yang diamalkan pada hari ini, segala kerugian akan ditanggung oleh pemilik haiwan tersebut, bukan ditanggung oleh pengusaha. Hal ini bermakna segala kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh pemilik haiwan. Namun demikian, terdapat juga sesetengah pengusaha ternakan sistem pawah atau inkubator menawarkan pakej berlainan, iaitu pengusaha bersama-sama dengan pemilik haiwan menanggung risiko kematian haiwan ternakan dengan membayar kembali nilai harga haiwan ternakan yang mati.

Terdapat beberapa pilihan pembahagian hasil dalam sistem pawah. Antaranya adalah seperti berikut:

1. *Pemeliharaan secara terus menerus.* Dalam sistem ini, pengusaha akan membiakan haiwan ternakan secara terus menerus, kemudian menjual hasil ternakan jantan dan membeli haiwan ternakan betina sebagai ganti.
2. *Pembahagian anak secara sama rata.* Melalui sistem ini pemilik mula mendapat hasil seawal anak kambing pertama dilahirkan kerana pemilikan adalah secara bersama
3. *Pembahagian segera giliran.* Pembahagian segera giliran pula bermaksud pengusaha akan mendapat anak pertama dan peserta akan mendapat anak kedua atau sebaliknya dalam kumpulan kambing yang peserta miliki berdasarkan persetujuan. Pengusaha tidak menjual kambing betina tapi menjual kambing jantan sebagai pedaging selepas beberapa bulan dan menggantikannya dengan kambing betina untuk pembiakan seterusnya.

4. *Menjual hasil ternakan.* Pengusaha akan menjual hasil ternakan pada umur tertentu, tanpa mengira jantina dan hasil jualan akan di serahkan kepada pemilik.
5. *Hasil diberikan secara percuma kepada penternak atau dikenakan bayaran.* Apabila ternakan melahirkan anak penyumbang akan mengambil semula haiwan berkenaan, manakala anak haiwan berkenaan akan diserahkan kepada penternak untuk terus dibiakkan. Sistem pawah ini kebiasannya diterima pakai oleh kementerian atau kerajaan bagi membantu golongan petani memulakan projek ternakan.

Dalam kes seorang penternak di Kuala Berang, Terengganu, memperolehi 40 ekor lembu dari veterina Kuala Berang, Terengganu. Lembu diserahkan kepada penternak tanpa apa-apa syarat dan kos penyelenggaraan dan ternakan di tanggung sepenuhnya oleh penternak. Dalam perjanjian juga tidak di nyatakan tempoh pemulangan haiwan. Tujuan penyerahan adalah untuk membantu penternak mengembangkan projek ternakan. Anak yang lahir dari ternakan tersebut di nilai dengan harga pasaran dan penternak perlu membayar harga anak tersebut kepada pejabat veterina.

Dalam kes lain haiwan ternakan di serahkan kepada penternak (pemilik haiwan penjantan baka baik). Dalam tempoh beberapa hari (tidak ditetapkan jumlah hari) apabila penjantan mengawan dengan si betina 2 hingga 3 kali maka penternak akan menerima sejumlah wang sebagai upah menyewakan/memawah penjantan untuk penghamilan induk betina.

Dalam menjalankan sistem penternakan pawah, terdapat terma-terma dan skim-skim yang ditawarkan oleh pengusaha ternakan pawah. Antara terma dan skim-skim yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. Jumlah minimum haiwan ternakan adalah antara 5-10 ekor, dan tiada had maksimum.
2. Jenis ternakan (dinyatakan oleh pengusaha sama ada lembu, kambing atau biri-biri)
3. Haiwan ternakan mesti dibeli melalui pengusaha.
4. Kos ternakan (ditetapkan berdasarkan jumlah haiwan ternakan peserta) termasuk kos makanan, ubatan, penginapan dan penjagaan atau pengusaha menanggung keseluruhan kos (bergantung kepada skim yang di tawarkan untuk menarik minat peserta)
5. Tempoh perjanjian sama ada dalam kiraan tahun atau beberapa kali pembiakan.
6. Kematian ternakan ditanggung bersama antara pengusaha dan peserta ditanggung sepenuhnya oleh pengusaha.
7. Peserta hanya membeli induk betina manakala induk jantan disediakan oleh pengusaha.
8. Selepas beberapa tempoh, kontrak akan ditamatkan dan peserta boleh memilih untuk menternak sendiri kambing tersebut dengan membina kandang sendiri atau

meneruskan lagi kontrak yang baru selama beberapa bulan dengan syarat- syarat tertentu.

PERBINCANGAN DAN TAFSIRAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan sistem ternakan pawah dari sudut syarak, khususnya dari sudut *akad musaqat*, *akad mudharabah*, *akad musyarakah* dan *akad ijarah*.

Haiwan Ternakan dan Akad Musaqat

Akad musaqat ialah segala bentuk perbelanjaan berkaitan tanaman seperti pokok, penyediaan saluran air, membina pagar, alat-alat yang digunakan untuk pengairan tanaman mestilah disediakan oleh pemilik tanaman bukan pekerja. Jika pemilik tanaman mengarahkan a'mil (pekerja) menanam tanaman, maka akad musaqat akan terbatal kerana menanam bukan salah satu dari pekerjaan musaqat. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa sebahagian pengusaha ternakan pawah mendakwa amalan pawah mereka memenuhi ciri-ciri akad musaqat. Dakwaan pengusaha tersebut berdasarkan persamaan bentuk amalan, iaitu kedua-dua pekerjaan ini melibatkan menyerahkan harta kepada suatu pihak untuk diuruskan dan menjangkakan keuntungan atau pertambahan. Namun demikian, selepas diteliti, ciri-ciri akad *musaqat* tidak dipathui oleh pengusaha ternakan pawah pada hari ini. Dengan perkataan lain, sistem pawah yang diamalkan pada hari ini tidak menepati konsep akad *musaqat* yang ditetapkan oleh Islam. Hal ini kerana dalam sistem pawah pada hari ini, peserta diminta membeli kambing induk betina, manakala pengusaha pula akan meneternak kambing-kambing peserta tersebut. Hal ini bermakna, peserta merupakan pemilik kambing-kambing tersebut, dan pengusaha pula akan menjadi pekerja. Dalam konteks inilah sistem pawah pada masa sekarang yang di analogikan kepada akad musaqat bercanggah dengan konsep akad musaqat kerana akad *musaqat* mengkehendaki pemilik (yang pada asalnya sebagai peserta yang membeli haiwan ternakan) menyediakan segala kos dan infrastruktur. *Pengusaha* akan menjadi pekerja kerana telah menjual haiwan ternakan tersebut kepada peserta tadi. Para ulama yang mengharuskan akad *musaqat* menyamakan akad ini dengan akad mudharabah, iaitu akad yang berlaku antara pemilik modal dengan a'mil.

Akad mudharabah ialah suatu akad perkongsian hasil antara pemilik modal dengan pengusaha, dan seluruh modal dikeluarkan oleh pemilik modal. Dalam sistem pawah yang diamalkan sekarang, segala bentuk kemudahan penternakan disediakan oleh pengusaha sedangkan kambing induk betina yang merupakan subjek dan asas kepada sistem penternakan ini telah dimiliki oleh peserta. Akad mudharabah, musaqat dan muzara'ah ialah akad perkongsian, iaitu setiap rakan kongsi mengambil apa yang diambil oleh rakan kongsi yang lain.

Selain itu, akad musaqat akan terbatal dan rosak sekiranya pemilik mensyaratkan keuntungan yang akan diambil oleh *a'mil* dari bahagian tertentu tanaman, seperti di hujung ladang atau tengah atau pohon-pohon tertentu. Dalam sistem pawah ternakan yang diamalkan sekarang, peserta berkongsi anak yang lahir dari kambing tertentu yang menjadi milik peserta bersama pengusaha mengikut giliran.² Pandangan ini juga boleh

² شية الروض المربع شرح زاد المستقنع جمع الفقير إلى الله تعالى عبد الرحمن بن محمد بن قاسم العاصمي النجدي الحنبلي رحمه الله

dinilai dengan melihat beberapa pandangan ulama dalam isu menyewakan penjantan untuk pembenihan.

Pawah Ternakan dan Akad *Musyarakah*

Musyarakah secara etimologi berasal dari bahasa arab yang bermaksud bersekutu atau berkongsi. Dari sudut istilah, musyarakah adalah akad kerjasama antara dua pihak atau lebih dalam usaha tertentu di mana pihak-pihak yang terlibat masing-masing berkongsi modal dengan kesepakatan bahawa keuntungan dan risiko akan ditanggung bersama sesuai dengan perkongsian masing-masing. Modal sama ada dalam bentuk tunai atau barang dicampur menjadi milik bersama antara pemegang-pemegang saham tanpa dibezakan antara hak milik seseorang dengan yang lain dan kadar perkongsian juga tidak disyaratkan sama rata.

Ibnu Qayyim berpandangan harus mengadakan akad musyarakah ke atas haiwan yang dimiliki oleh salah satu pihak dan pihak yang satu lagi berfungsi menjaga dan memelihara haiwan tersebut dan hasil dibahagikan dalam kalangan mereka. Musyarakah atau perkongsian yang dimaksudkan oleh Ibnu Qayyim ialah perkongsian harta dan pekerjaan kerana keharusan tersebut menurut beliau berasaskan analogi kepada akad *mugharasah* atau *musaqasat* dan kedua-dua akad tersebut sama seperti akad mudharabah, iaitu menyerahkan aset untuk dikembangkan dengan melakukan usaha atau pekerjaan ke atasnya. Menurut pandangan mazhab hambali, subjek kepada akad perkongsian ialah pekerjaan walaupun hanya salah satu pihak sahaja yang menyumbang aset dan pihak lain menyumbang tenaga. Contoh yang diberikan oleh Ibnu Qayyim mengenai perkongsian haiwan ini ialah seperti menyerahkan haiwan kepada seseorang untuk suatu pekerjaan atau berperang lalu upah dan hasil rampasan perang dibahagikan bersama. Menurut Ibnu Qayyim para ulama yang menegah bentuk perkongsian sebegini melihatnya sebagai akad *ijarah al-'ain* atau *ijarah al-'amal* kerana upah yang dijanjikan tidak dapat dipastikan kerana bergantung kepada pekerjaan atau usaha sama ada berhasil atau sebaliknya. Ibu Qudamah dari mazhab Hambali menolak pandangan ini dan mengatakan bahawa akad musaqat dan muzara'ah ialah akad untuk melakukan suatu pekerjaan atas suatu aset dan upah pekerja diberikan dari keuntungan yang terhasil dari aset tersebut sebagaimana mudharabah.

Walaupun mazhab Hambali berpandangan harus mengadakan akad musyarakah ke atas haiwan yang dimiliki oleh salah satu pihak dan pihak yang satu lagi berfungsi menjaga dan memelihara haiwan tersebut dan hasil dibahagikan antara mereka namun menetapkan perkongsian atas anak yang bakal lahir adalah tidak dibenarkan kerana ia tidak dapat ditentukan sama haiwan tersebut dapat melahirkan anak atau tidak.

Menetapkan upah dari anak yang dilahirkan

Imam al-Qurtubi (671H) di dalam menghuraikan ayat 26 surah al-Qasas berpendapat "*tidak harus akad al-Ijarah yang difahami sebagai pawah iaitu menetapkan upah memelihara binatang dengan anak yang bakal dilahirkan oleh binatang berkenaan kerana sesuatu yang belum terjadi merupakan sesuatu yang belum pasti.*" Upah mestilah jelas, ada dan boleh di serahkan. Penetapan upah atau sewaan dengan sesuatu yang belum pasti ada atau belum wujud seperti susu yang berada dalam kantong susu haiwan, bulu yang masih berada di atas badan haiwan adalah tidak sah. Pandangan dalam mazhab

hambali ialah tidak harus menetapkan upah atau sewaan dengan sesuatu yang belum pasti seperti anak yang bakal lahir atau bulu yang berada di atas badan haiwan.

Pawah ternakan dan akad ijarah

Para ulama mutaqqaddimin telah membincangkan isu pawah atau sewa haiwan untuk pembiakan dalam permasalahan *البيوع المنهي عنها* iaitu bentuk-bentuk jual beli yang di tegah. Tegahan daripada beberapa bentuk transaksi adalah berkaitan dengan transaksi itu sendiri yang tidak memenuhi rukun dan syarat sehingga dihukumkan batal dan haram seperti *bai' al-malaqih* (*بيع الملاقيح*) iaitu menjual janin dalam perut haiwan. Termasuk juga dalam larangan ini ialah *عسب الفحل* yang menurut sebahagian ulama ialah upah mengawan haiwan, iaitu meletakkan haiwan betina dengan haiwan penjantan dari baka yang terpilih agar penjantan membuntingkan haiwan betina atau sperma haiwan menurut sebahagian yang lain. Tegahan yang dimaksudkan di sini ialah pemilik haiwan penjantan mengambil upah dari pemilik haiwan betina kerana mengawankan haiwan penjantannya dengan haiwan betina sedangkan “mengawan” bukan sesuatu yang dapat dipastikan berlaku dan begitu juga mengenakan harga dari sperma haiwan penjantan kerana sukar untuk di serahkan dan di pastikan ada. Menurut al-Qarafi tegahan ini ialah kerana gharar disebabkan persyaratan sehingga haiwan hamil.

Mereka juga telah sepakat bahawa menjual sesuatu yang tidak wujud adalah dilarang kecuali dalam beberapa bentuk transaksi, seperti *bai' salam* (sale by order). Namun demikian, dalam tulisan-tulisan mereka isu menyewa haiwan penjantan untuk membuntingkan betina seringkali dijadikan sebagai contoh *بيع المعدوم*. Para ulama Malikiyyah pula tidak mengharuskan pawah haiwan ternakan sehingga ke tempoh haiwan betina bunting tetapi harus mengikut pandangan mereka jika ditentukan tempoh sewaan seperti sekali, dua kali atau sehari, seminggu atau dua minggu dan tamat tempoh sewaan dengan berlalunya tempoh tersebut samada haiwan betina bunting atau tidak. Pandangan ini merupakan pandangan Ibnu Sirin, A'tha' dan al-Hassan. Sekiranya haiwan betina bunting sebelum tamat tempoh yang dipersetujui maka akad pawah akan tamat dengan sendirinya dan pemilik haiwan betina perlu membayar upah kepada pemilik haiwan penjantan mengikut jumlah hari. Namun, pandangan ini juga menghukumkan perbuatan sedemikian sebagai makruh yang perlu ditinggalkan (makruh tanzih). Contohnya, sekiranya upah yang dikenakan ialah RM 100 selama tempoh 1 minggu dan haiwan betina bunting pada hari ke 5, maka sewa yang perlu diserahkan kepada pemilik haiwan penjantan ialah RM74.00. Menurut pandangan ini larangan yang terdapat dalam hadis adalah apabila akad tersebut berlaku atas persenyawaan mani dalam rahim haiwan betina. Namun demikian, sekiranya akad tersebut dilakukan atas pekerjaan penjantan “memanjat” betina maka ianya adalah harus seperti mana harus memberi upah menggali telaga walaupun tidak dapat dipastikan ada atau tiada air.

Larangan yang terkandung dalam hadis berkisar antara mengambil upah atas pekerjaan haiwan penjantan atau mengambil upah atas mani haiwan. Menurut Ibnu Hajar menyewakan haiwan penjantan untuk tujuan pembenihan adalah haram kerana ia termasuk dalam kategori menjual sesuatu yang tidak wujud (*bai' ma'dum*) dan terdapat satu pandangan lain dari kalangan fuqahak *al-syafiyyah* dan *hanabilah* yang mengharuskan pawah haiwan penjantan untuk tempoh tertentu. Menurut pandangan Imam Malik menyewakan atau mempawahkan haiwan penjantan untuk tujuan penghamilan haiwan betina adalah harus jika tempoh yang ditetapkan bukan sehingga kehamilan haiwan betina tetapi dalam bilangan hari atau beberapa kali berlaku

persenyawaan dengan syarat tuan empunya penjantan memulangkan sebahagian upah atau sewaan jika haiwan induk betina bunting sebelum tamat tempoh sewaan. Begitu juga dengan “meminjamkan” penjantan untuk menghamilkan induk betina dan pihak yang dipinjamkan harus memberikan sesuatu kepada pemilik penjantan sebagai hadiah atau ucapan terima kasih sebagaimana dalam sebuah hadis Nabi Muhammad SAW, tetapi hadiah tersebut tidak boleh dijanjikan atau dijadikan sebagai syarat.

Dari Anas Bin Malik r.a baawasanya seorang lelaki dari bani Kilab bertanya kepada nabi saw mengenai (upah) mengawan haiwan lalu nabi saw melarangnya. Lelaki tersebut seraya berkata bolehkan kami melakukan perkara tersebut dan memberikan pemberian (sebagai menghargai pemilik penjantan)? Lalu nabi saw membenarkannya (al-Tirmizi :1274)

Para ulama hanabilah melarang sebarang bentuk bayaran kepada pemilik penjantan yang membuntingkan haiwan betina kecuali pemberian tersebut di berikan sebagai hadiah yang bukan di disyaratkan.

KESIMPULAN

Beberapa syarat yang diletakkan oleh pengusaha pawah ternakan dilihat melanggar beberapa prinsip muamalat yang disepakati oleh para ulama. Antaranya ialah:

1. Pembahagian hasil dari anak haiwan ternakan yang bakal lahir.
2. Hubungan akad antara pengusaha dan peserta tidak jelas sehingga mengharuskan pengusaha menerima upah hasil dari anak yang bakal lahir.
3. Tindakan pengusaha menyediakan penjantan untuk pembenihan dan berkongsi hasil dari anak yang bakal lahir bersama peserta menjadikan kontrak pawah bertentangan dengan larangan *bai' al-malaqih*, *'asf al-fahl* upah membuntingkan haiwan betina (أجرة ضراب الفحل)

CADANGAN

Akad yang paling sesuai untuk diaplikasikan dalam system ternakan secara pawah ialah sama ada akad musyarakah atau ujah. Berasaskan akad musyarakah pengusaha dan pemilik haiwan bersama-sama mengeluarkan modal. Pengusaha mengeluarkan modal berbentuk prasarana dan pemilik mengeluarkan modal dengan membeli haiwan betina dan segala kos berkaitan penyelenggaraan akan diperkirakan ke atas kedua pihak yang berkongsi. Pengusaha dan pemilik bersama-sama berhak ke atas anak yang bakal lahir. Akad ujah juga sesuai diaplikasikan dalam sistem ternakan ini. Pengusaha akan mengenakan bayaran tertentu kepada peserta. Ujah atau upah perlu diperjelaskan sama ada upah menjaga haiwan, sewa prasarana dan lain-lain yang berkaitan dengan penyelenggaraan ternakan, namun upah tidak boleh diperkirakan dari anak yang bakal lahir.

BIBLIOGRAFI

- Al-Maqadisi, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad Bin Muhammad, Al-Mughni, Riyadh, Dar Al-‘Alam Al-Kutub.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Al- Ghazali Abu Hamid, Al Wasit.
- Al-Dusuki, Shamsuddin Muhammad ‘Arafat Al-Dusuki, Hasyiah Al-Dusuki ‘Ala Syarh Al-Kabir, Dar Ihya’ Al-Kutub Al-Arabiah, (Tanpa Tarikh).
- Al-Kahuji, Al-Syeikh Abdullah Bin Al-Syeikh Hasan Al-Hasan, Zad Al-Muhtaj Bi Syarh Al-Minhaj , Qatar, 1982.
- Al-Maqadisi, Syamsuddin Muhammad Bin Muflih, 2003, Al-Furu’, Beirut/Lubnan, Al-Resalah.
- Al-Nawawi, Muhyiddin Abi Zakari Yahya Bin Syarf Al-Nawawi, Minhaj Al-Tholibin Wa-Umdatul Muftin , Dar Al-Minhaj, 2005.
- Malik Bin Anas Bin Malik, Al-Mudawwanah, Dar Al-Kutub Al-Ilmiah 1995.
- Al-‘Adawi, Syarh Kifayat Al-Tholib Al-Rabbani, Dar Al-Kutub Al-Ilmiah, 1995.
- Ibnu Taimiyyah, Taqiuddin Ibnu Taimiyyah, Majmu’ Fatawa Ibnu Taimiyyah, Majma’ Malik Al-Fahd.
- Ibnu Al-Qayyim, Muhammad Bin Abi Bakr Bin Ayyub Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah Abu Abdillah, I’lam Al-Muwaqqi’in An Rabbail ‘Alamiin, Dar Ibn Al-Jauzi, Cetakan Pertama, 1423H.
- Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Qasim al-‘Asimi al-Najdi, hasyiah al-raudh al-murbi’ syarh zad al-mustaqni’, cetakan pertama 1397H.
- Ibupejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya: Siri Panduan Asas Penternakan Kambing
- Kaedah Fiqhiyyah al-adatu muhakkamah dalam muamalat Islam, sebahagian daripada isi Kertas kerja yang dibentangkan dalam kuliah usul fiqah, UKM 2008 (Subjek MA).
- Kamus Pelajar Edisi Kedua.
<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=pawah><http://boerfarm-psistempawah.blogspot.my/>
- <http://goatnstresources.blogspot.my/2008/04/sistem-pawah.html>